

BAB KEEMPAT KAEADAH PENDIDIKAN AL-GHAZALI.

4.1 Aspek Pendidikan.

4.1.1 Profesional Pendidikan

Imam Al-Ghazali menggunakan pelbagai istilah pendidik seperti *al-mualim* (guru), *al-mudaris* (pengajar), *al-muaddib* (pendidik) dan *al-walid* (orang tua). Zainuddin (1991). Melihat kepada profession perguruan, ia mempamerkan suatu profesion dan tidak semua orang yang menyatakan dirinya sebagai seorang pengajar, menganggotai profession ini. Sebagaimana menurut Abd Rahman Aroff (1987), tidak semua orang yang mengajar boleh dianggap sebagai profesional.

Menurut Al-Ghazali guru dalam pengertian akademik, ialah seorang yang menyampaikan sesuatu iaitu ilmu pengetahuan kepada orang lain ataupun pelajarnya. Abdul Hamid Zarkasyi (1990). Dalam erti kata lain guru ialah seseorang yang menyampaikan sesuatu yang baik, positif, kreatif atau membina kepada seseorang yang berkemahanan, tanpa mengira peringkat umur.

Sesuatu pekerjaan yang boleh dianggap profesional itu sekurang-kurangnya mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut; Zawawi Hj Ahmad (1988).

- Mestilah merupakan satu jenis pekerjaan yang penting kepada masyarakat.
- Mestilah berasaskan kepada pengetahuan dan kemahiran yang tinggi.
- Mestilah proses iaitu yang bersistematis dan sesuai dalam jangkamasa yang tertentu di mana berlakunya proses sosialize dan nilai-nilai profesi tersebut.

Al-Ghazali berpendapat profesion perguruan adalah satu pekerjaan yang peling mulia dan terhormat. Beliau amat menyanjungi golongan ilmuan, sehingga meletakkan

mereka setaraf dengan para nabi. Sebagaimana beliau menjelaskan dalam karya Ihyai Ulumuddin (Jil 1);

“Guru bekerja menyempurnakan hati, membesar dan mengiringnya dekat kepada Allah s.w.t. maka disatu pihak mengajar ilmu itu satu ibadah kepada Allah dan dipihak yang lain merupakan khalifah bagi Allah s.w.t. oleh kerana ia merupakan khalifah Allah, maka sesungguhnya Allah mendorong hati orang alim mengetahui ilmu yang merupakan salah satu sifat-sifatnya yang paling khusus”

hal 13

Al-Ghazali menganggap bahawa guru merupakan agen kepada Allah s.w.t dalam mencorak manusia yang jahil kepada yang berilmu. Keberkesanan dan kejayaan pendidik adalah hasil daripada kesedaran para pendidik sendiri terhadap tanggungjawab mereka dan kelihuran peribadi dalam memperkembangkan ilmu. Fungsi pendidik bukan sahaja memberi kesedaran kepada diri sendiri, malah juga untuk masyarakat tentang hubungan dan komitmen dengan hukum Allah s.w.t sebagaimana firmanya dalam surah al-fatir :

28;

وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَىٰ قَوْمٍ مِّنْ بَيْدَهُ

“Sesungguhnya yang takut kepada Allah adalah diantara
hambanya ialah ulama”.

Manakala sabda nabi Muhammad s.a.w ;

“Ulama ialah pewaris para nabi”.

Kedua-dua ayat di atas jelas membuktikan bahawa Islam memberikan penghormatan

kepada ahli ilmu. Sebagaimana menurut Ahmad D. Marimba (1962), para ilmuan mempunyai sifat ketaqwaan kepada Allah hasil dari kesedaran ilmu yang diwarisi daripada nabi. Beliau menjelaskan lagi bahawa tugas menyampaikan amalan keilmuan ini adalah bergantung kepada pendidik yang mana peranan ini tidak disedari oleh anak didiknya melainkan para pendidik itu sendiri bertanggungjawab memahaminya. Ini kerana melalui ilmu pengetahuan sahajalah dapat merubah dan menyedarkan manusia akan perkara-perkara yang hak ataupun batil.

Al-Ghazali juga berpendapat orang yang berilmu itu berada dalam keadaan sentiasa mencari faedah dari ilmu itu sendiri kemudian mengamalkannya. Mereka sentiasa mencari kekurangan diri mereka berkenaan dengan ilmu disamping suka menyebarkan ilmu tersebut.

Sepertimana dalam profesion lain, profesion perguruan memerlukan latihan intensif didalam institusi tertentu. Melalui institusi-institusi berkenaan, para guru peletih akan mempelajari selok-belok tugas seorang guru. Disamping itu juga mereka akan belajar menyelesaikan segala masalah yang bakal timbul berkaitan yang berkaitan dengan bidang pendidikan.

4.2. Syarat Keperibadian Pendidik

Menjadi seorang guru yang baik tidak hanya memadai dengan mendalami selok-belok agama sahaja. Apa yang lebih penting ialah mempunyai kelayakan akademik disamping mendalami asas dan budaya Islam. Baharudin Adam (1988).

Sebagaimana yang ditekankan oleh Muhammad Hamid Al-Affendi (1990) guru harus mempunyai nilai moral yang baik sebagai contoh teladan dalam mendidik anak-anak buahnya. Seharusnya perlu ada kesesuaian diantara kata-kata guru dengan perilakunya yang sebenar. Sepertimana yang sering diungkitkan oleh pelajar tentang

larangan merokok dikalangan pelajar, tetapi tidak begitu diperaktikkan oleh sebahagian guru-guru. Oleh itu guru haruslah memahami proses perkembangan remaja masa kini yang mudah terikut-ikut kepada unsur-unsur negatif tetapi sukar untuk menerima teguran yang membina.

Al-Ghazali amat menekankan agar akhlak seseorang pendidik sesuai dengan ajaran dan pengetahuan yang diajar kepada para pelajarnya. Dalam, Ihya Ulumuddin (Jil 1) beliau membandingkan perumpamaan guru dengan muridnya sepetimana tongkat dengan bayang-bayang, di mana bagaimana kita boleh mendapatkan bayang-bayang yang lurus jika tongkat tersebut sememangnya telah bengkok.

Pendidik dalam sesebuah kelompok masyarakat, terutama dalam bidang keagamaan, perlulah memperbetulkan segala tindak-tanduknya, fikirannya dan setiap patah perkataannya. Ini memandangkan setiap tingkahlaku adalah pengajaran yang lebih tepat dari mengajar dengan lidah. Setiap insan yang dapat mendidik dirinya sendiri adalah lebih baik dan berhak untuk dihormati. Allah berfirman dalam surah al-Baqarah :

44;

”إِنَّمَا يُحِبُّونَ الْمُنْسُونَ أَنَّهُمْ لَا يَأْتُونَ بِالْحُكْمِ وَلَا هُمْ مُنْذُرُونَ“

“Apakah kamu menyuruh orang lain berbuat baik, padahal kamu melupakan dirimu sendiri”

Penjelasan di atas adalah adalah berkaitan dengan pendapat Imam Al-Ghazali berkaitan dengan profesion perguruan. Sebagaimana menurut beliau lagi, setiap profesion individu merupakan satu ibadah. Sehubungan dengan itu Al-Ghazali berpendapat untuk mencapai matlamat pendidikan yang murni dan bersesuaian dengan

kehendak masyarakat dan agamanya, mestilah memenuhi syarat-syarat keperibadian seperti berikut;

i) Pendidik yang zuhud.

Guru yang meletakkan dirinya di tempat yang mulia, seharusnya mengetahui kewajipannya yang menggambarkan beliau seorang yang zuhud. Di mana seseorang guru itu mengajar untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t dan tidak semata-mata mengharap ganjaran upah dan balasan. Seseorang guru haruslah menerima hakikat bahawa profesi perguruan tidak dapat menjanjikan mereka dengan limpahan wang ringgit. Muhammad Athiyah al-Abrashy (1969). Mereka tidak harus mencebur ke dalam bidang lain untuk menambah hasil kekayaan, yang boleh menjelaskan kerjaya mereka sebagai seorang pendidik. Seseorang insan yang bergelar sebagai seorang pendidik sepatutnya memiliki sifat zuhud jika ia ingin mendapatkan keredhaan Allah s.w.t.

ii) Benar.

Al-Ghazali (1985), menjelaskan juga, seseorang guru haruslah berpihak kepada kebenaran jika ia berada di pihak yang benar mahupun sebaliknya jika ia berada di pihak yang salah. Mereka hendaklah sentiasa bersedia untuk mengenangkan kebenaran tanpa ada rasa malu dan kecil hati, kerana sesungguhnya Allah sentiasa bersama orang-orang yang benar.

iii) Amanah.

Guru dianggap sebagai pemegang amanah yang berat oleh Allah s.w.t, dalam mendidik pelajarnya untuk menjadi seorang yang berguna di dunia dan di hari kemudian nanti. Di antara bidang tugasnya ialah melaksanakan segala tugas yang dipertanggungjawabkan di

sekolah dengan sempurna. Mereka juga perlu membantu melicinkan pentadbiran sekolah serta memastikan disiplin sentiasa dipatuhi.

iv) Ikhlas.

Al-Ghazali juga amat menekankan aspek keikhlasan dalam hati setiap pendidik. Mereka perlu menanamkan sifat ikhlas terutama sewaktu menjawab segala masalah yang dikemukakan oleh pelajar. Al-Ghazali menjelaskan lagi setiap jawapan haruslah difahami oleh pelajarnya dan sesuai menurut tahap pemikiran mereka. Konsep ikhlas perlu wujud dalam melakukan sesuatu untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t. Sebenarnya terlalu sukar untuk melaksanakan konsep tersebut kerana ia mempunyai banyak halangan dan dugaan. Oleh kerana itu, pendidik yang sentiasa ikhlas akan ditempatkan di tempat yang tinggi dan terpuji di sisi Allah dan amalannya sebagai pendidik tidak akan sia-sia.

v) Sabar.

Dewasa ini guru berhadapan dengan pelbagai ragam pelajar di samping mata pelajaran yang banyak. Guru juga sentiasa dibebani dengan tugas-tugas lain bagi melicinkan keperluan pihak sekolah dan juga sekolah. Walaubagaimanapun harapan yang besar dari ibu bapa dan pihak sekolah terhadap kejayaan anak mereka masih terletak di bahu para guru. Oleh yang demikian, bagi menangani situasi ini, memerlukan guru yang mempunyai sifat sabar yang tinggi.

Para guru perlu sabar ketika berhadapan dengan pelbagai persoalan daripada para pelajarnya. Profesional guru juga tidak dapat lari dari berhadapan anak murid yang agak ketinggian dan lemah daya pemikirannya. Oleh itu kaedah yang sesuai dengan kumpulan seperti ini perlu dilaksanakan bagi memenuhi amanah yang

dipertanggungjawabkan kepada mereka. Keberkesanannya tugas mereka ini akan menggambarkan kejayaan mereka dalam memikul tanggungjawab dan amanah yang diberikan.

vi) Lemah-lembut dan pemaaf.

Guru haruslah seorang yang bersifat pemaaf terhadap anak-anak didiknya. Oleh itu pendidik haruslah menahan diri mereka dari sifat marah, patuh lagi berkenaan perkara yang kecil dan remeh temeh.

Menurut Zawawi Hj Ahmad, guru yang berkaliber harus berperibadi mulia dan memiliki harga diri serta bertolak ansur dalam menghadapi satu-satu masalah. Ini adalah kerana guru juga dianggap sebagai kaunseler kepada pelajar untuk mereka meluahkan perasaan. Sifat-sifat guru seperti ini akan dapat menarik minat pelajar untuk mendekatkan perhubungan mereka sebagai guru dan pelajar.

vii) Penyayang.

Al-Ghazali berpedapat tugas guru sebagai pengganti ibu bapa ketika berada di sekolah. Guru perlu sentiasa mengamalkan sifat saying-menayangi tanpa ada rasa pilih kasih dikalangan murid-muridnya. Ini akan mewujudkan rasa saling percaya-memepercayai seterusnya mewujudkan sikap Bantu-membantu dikalangan pelajar dan pendidik itu sendiri.

Pelajar merupakan generasi muda yang memerlukan kasih-sayang dan perhatian daripada gurur-guru mereka sendiri. Dalam melalui atau menempuh alam keremajaan dan kedewasaan, mereka memerlukan bimbingan dari seseorang yang mampu menjalankan peranan sedemikian rupa.

4.3 Peranan dan Kewajipan guru.

Peranan guru sebagai pendidik dan pemimpin masyarakat merupakan satu tugas berat dan maha penting. Golongan mereka ini diharap oleh masyarakat untuk menerajui generasi akan datang ke arah generasi yang sihat dan luhur. Oleh itu sebagaimana menurut Zawawi hj Ahmad, untuk mencapai darjat orang yang berilmu, mereka haruslah melalui jalan-jalan berikut;

Mencari ilmu dan mengamalkannya.

- Mengumpul hingga tidak perlu lagi bertanya.
- Meneliti, iaitu menggunakan ilmu yang telah dikumpul serta menfaatkannya.
- Mengajarkannya kepada orang lain.

Dengan mencapai kriteria-kriteria di atas Al-Ghazali berpendapat, maka sewajarnya bagi guru tersebut memenuhi beberapa kewajipan;

i) Mengikut jejak Rasulullah s.a.w.

Guru adalah wakil atau pengganti Rasulullah s.w.t, sebagai mewarisi ajaran mereka dan menyebarkannya kepada manusia sejagat. Oleh itu perlakuan dan keperibadian pendidik haruslah sesuai dengan ajaran Rasulullah. Al-Kilani (1985). Sememangnya seorang pendidik mempunyai sifat "*uswah hasanah*" (menjadi ikutan), maka sewajarnya mereka menyebarkan ajaran ini dan merealisaskannya. Di samping dapat mendekatkan diri kepada Allah s.w.t, warga pendidik dapat terus menanamkan ilmu pengetahuan kepada murid-muridnya.

ii) Bersifat penyayang

Dalam buku Ihya Ulumuddinnya Al-Ghazali menggalakkan agar guru mencurahkan perasaan kasih sayangnya kepada murid-murid dan menganggap mereka sepetimana

mereke sendiri. Guru perlu mengambil tahu latarbelakang pelajarnya supaya mereka dapat menyelami perasaan mereka dan melayan mereka dengan seadil-adilnya. Terutama apabila sebahagian pelajar mereka lahir dari keluarga miskin ataupun yang bermasalah. Apatah lagi pelajar yang pernah mengalami peristiwa "hitam" seperti dicabul oleh kaum keluarga sendiri. Sekurang-kurangnya dengan layanan dan sikap mengambil berat sedemikian dapat menimbulkan perasaan kasih sayang atau hormat murid-murid kepada guru mereka. Ini akan memudahkan guru untuk memberikan pendidikan dan membimbing mereka hasil dari hubungan sedia ada.

iii) Teladan bagi murid.

Imam Al-Ghazali menjelaskan bahawa guru harus mengamalkan ilmu yang di perkatakan. Ini adalah kerana ilmu itu dapat dilihat dengan mata hati, manakala perbuatan dapat dilihat dengan mata zahir yang ada.

Pandangan Al-Ghazali jelas menggambarkan bahawa guru hendaklah mengerjakan segala perintah yang dipertanggungjawabkan. Mereka juga hendaklah menjauhi segala larangan dan mengamalkan ilmu pengetahuan sebagaimana yang mereka ajarkan kepada anak-anak muridnya. Sebagaimana menurut Mohd Yazid Yusoff (1991), nilai dan contoh teladan seseorang guru adalah bergantung kepada sejauh mana komitmennya sebagai seorang pendidik. Di mana semakin efektif pengajaran seorang guru, semakin layaklah ia untuk dijadikan contoh teladan.

iv) Memahami tabiat para pelajarnya.

Sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran, guru seharusnya memahami dan mengetahui tahap kemampuan pemikiran muridnya. Tindakan sebegini akan memudahkan guru tersebut menyesuaikan bahan pengajaran dan penyampaian sewaktu

berlaku proses pengajaran dan pembelajaran. Sikap guru yang sebegini mungkin dapat menyelesaikan sebarang masalah yang timbul selama ini.

Manakala menurut pandangan Sulaiman Hamzah (1971), di mana beliau menjelaskan guru yang bijak ialah guru yang dapat menghidupkan semula semangat belajar dikalangan para pelajarnya.

Guru disarankan agar sentiasa berbincang menurut tahap kemampuan pemikiran mereka sebagai seorang pelajar. Ini bagi menjamin pelajar dengan mudah dapat memahami pengajaran yang disampaikan seterusnya proses pembelajaran dapat berjalan dengan lancar. Guru tidak seharusnya terlalu memikirkan sukanan pelajaran semata-mata tanpa memikirkan kehendak dan kebijakan pelajarnya.. dalam surah al-Nisa' : 5 Allah berfirman;

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمْ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ
لَكُمْ فِيهَا وَارِزَقْنَاهُمْ فِيهَا وَالْمُسْوَدُونَ وَقُرْلُوا
لَهُمْ قُوَّلًا مَعْرُوفًا .

"Janganlah kamu berikan kepada orang-orang belum mengerti (masih jahil) harta-harta mereka yang kamu dijadikan Tuhan pemeliharanya.".

4.4 Aspek Pelajar.

Menurut Hassan Langgulung (1992), perkataan murid berasal dari bahasa arab iaitu '*murid*', bererti orang yang mencari dan menginginkan. Berdasarkan maksud asalnya perkataan murid bermaksud seseorang yang mencari sesuatu kebenaran. Oleh yang demikian selama mana seseorang itu mencari kebenaran ia adalah seseorang murid.

Imam Al-Ghazali telah membahaskan beberapa aspek pendidikan murid-murid;

4.4.1 Fitrah Anak-anak.

Perkataan fitrah menurut pengertian bahasa ialah kejadian asal (asli), ciptaan dan sifat pembawaan yang ada sejak kecil lagi. H Sjahmirah Zali (1991). Manakala menurut istilah pula, bermaksud kekuatan asal yang ada dalam diri manusia, yang dibawanya sejak lahir dan akan menjadi pendorong serta penentu kepada perbuatannya; sikap, ucapan dan tingkahlakunya.

Al-Ghazali menegaskan pandangan berkenaan dengan fitrah, berdasarkan ayat al-Quran dan hadis nabi Muhammad s.a.w. menerusi surah al-Rum : 30;

فَاقْرِمْ وَجْهكَ لِلَّدِينِ حَتَّىٰ فَطَّلتِ اللَّهُ الَّتِي
فَطَّلَ النَّاسُ عَلَيْهَا لَا مُدَبِّلٌ لِخَلْقِ اللَّهِ
ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيْمُولُكَنْ أَكْثَرُ النَّاسِ
لَا يَعْلَمُونَ

"Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah, tetaplah atas fitrah Allah yang telah mencipta manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. Itulah agama yang lurus tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui".

Ayat di atas menjelaskan manusia diciptakan dengan fitrah atau naluri bagaimana untuk mentauhidkan Allah iaitu Islam. Oleh itu apabila manusia beragama selain dari agama Tauhid, adalah disebabkan pengaruh pendidikan dan persekitaran.

Berdasarkan ayat di atas Al-Ghazali menjelaskan fitrah adalah beriman kepada Allah s.a.w dan mengakui ke EsaanNya. Rasullullah s.a.w pula menyatakan bahawa

setiap anak yang dilahirkan dalam keadaan beragama Islam, sebagaimana sabdanya yang berbunyi;

"tidakkah dilahirkan seorang anak melainkan atas agama ini (Islam) hingga menjelaskan akan lidahnya".

H

Hadith di atas menjelaskan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka. Hasil dari didikan inilah akan menentukan halatuju anak-anak tersebut sama ada akan menjadi Islam, Yahudi, Kristian, Majusi dan sebagainya. Sebagaimana sabda nabi yang diriwayatkan oleh Tarmudzi

"Tidakkah dilahirkan seorang anak melainkan atas fitrah, maka ibu baparnyalah yang mencorakkanrya sama ada menjadi Yahudi, Kristian atau Majusi".

Al-Ghazali menjelaskan Allah menciptakan seseorang anak dengan fitrah, boleh menerima hakikat kebaikan dan keburukan. Peranan ibubapalah dapat menjadikan anak-anak tersebut cenderung kepada kebaikan atau keburukan. Di sinilah letaknya kelebihan manusia sebagai makhluk Allah yang mempunyai keupayaan memilih melalui kemampuan akalnya.

Menurut Zainuddin, berdasarkan penjelasan Al-Ghazali fitrah dianggap sebagai satu yang dibekalkan sejak lahirnya insan dengan memilih keistimewaan seperti berikut;

- Beriman kepada Allah s.w.t.
- Kemampuan dan kesediaan untuk menerima kebaikan dan keburukan serta keupayaannya untuk menerima pendidikan dan pengajaran

- Dorongan ingin tahu untuk mencari hakikat kebenaran yang memerlukan daya untuk berfikir.
- Kekuatan-kekuatan lain dan sifat manusia dapat diperkembangkan dan disempurnakan.

4.4.2 Perkembangan Anak-anak

Proses pendidikan manusia berlaku disepanjang hayatnya. Sebagaimana menurut H M Ariffin (1975), proses tersebut bermula di mana sejak lahir lagi mereka mengalami pertumbuhan (perkembangan) secara vertikal (menegak) seterusnya menuju kepada kesempurnaan dan kebahagiaan. Perkembangan hidup manusia berlaku secara berperingkat.

Peringkat tersebut sebagaimana yang digambarkan oleh Allah dalam surah al-Mu'min : 67;

هُنَّ الَّذِي خَلَقُوكُمْ مِّنْ تُرَابٍ فَتَبَرَّأُوا مِنْ نِعْمَاتِنَا
فَلَمَّا مَرَّ عَلَيْهِمُ الْمَوْتُ كَفَرُوا بِنَا
لَمْ يَلْعَمُوا أَنَّا أَنْشَأْنَاكُمْ مِّنْ لَّدُنْنَا وَإِنْ هُنَّ
بِمُؤْمِنِينَ فَمِنْ بَيْنِ فِي هُنَّ قَاتِلُونَ وَلَنْ يَلْعَمُوْا
أَجَلُهُمْ وَمَا لَهُمْ بِعَذَابٍ نَّعِذَابٌ

“Allah telah menjadikan kamu dari tanah kemudian nufah, kemudian alaqah, kemudian menjadikan anak lelu menjadikannya kuat akhirnya menjadi tua ada sebahagian dari mereka yang meninggal sebelum umur itu dan supaya kamu sampai pada ajal yang telah ditetapkan supaya kamu sekalian berfikir”.

Al-Ghazali menghuraikan perkembangan anak-anak dengan membahagikannya kepada lima peringkat iaitu peringkat janin, kanak-kanak, tamziz, al-aqil dan al-auliya. Zainuddin.

Peringkat janin iaitu peringkat anak yang berada dalam kandungan lagi. Ia hidup sesuadah ditiupkan roh oleh Allah s.a.w. Di sinilah bermulanya pendidikan pertama bercorak rohani. Menurut Mustafa Hj Daud (1991), pada peringkat ini ibu bapa digalakkan untuk sentiasa beribadat dan berdoa, di samping mendapatkan makanan yang halal kerana janin itu akan mewarisi sifat-sifat yang diamalkan oleh ibunya semasa lahir kelak.

Al-thifl iaitu peringkat kanak-kanak di mana biasanya antara bayi hingga berusia 5 tahun. Peringkat ini perlu diperbanyakkan latihan dan kebiasaan sehingga mereka mengetahui perkara yang baik mahupun buruk. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Abdul Halim El-Muhammady, perlunya ditekankan pendidikan dari sudut rohani dan jasmani, penyusuan ibu, bimbingan tingkah laku atau akhlak yang mulia oleh ibu bapa dan sebagainya. Al-Tamziz pula adalah peringkat anak-anak yang telah dapat membezakan sesuatu yang baik dan yang buruk. Perkembangan akal fikirannya boleh mencapai perkara-perkara berkaitan ilmu asas. Mustafa Hj Daud. Menurut beliau lagi setelah guru menyampaikan latihan berkaitan dengan ilmu asas, guru-guru berkewajipan pula menyampaikan pendidikan bercorak ilmu faedhu-ain.

Peringkat al-'aqil adalah peringkat manusia yang telah berakal sempurna sehingga boleh menguasai ilmu asas tersebut. Pada masa ini remaja telah menguasai ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah dengan baik, serta dipertanggungjawabkan memikul segala amanah yang diperintah oleh Allah.

Al-anbiya' dan al-auliya' merupakan tingkat tertinggi perkembangan manusia. Sebagaimana yang berlaku kepada para nabi telah mendapat ilmu dari Allah melalui

malaikat iaitu ilmu wahyu. Manakala para wali pula telah mendapat ilmu ilham iaitu ilmu laduni yang mereka tidak mengetahui dari mana dan bagaimana ilmu itu diperolehinya.

4.4.3 Tugas dan Kemajuan Pelajar.

Sememangnya tidak dinafikan untuk memastikan matlamat dalam sesuatu falsafah pendidikan tercapai, kesenambungan dari setiap pihak dari semua pihak yang berkait rapat dengan proses pendidikan itu sendiri adalah amat diperlukan. Selain daripada pihak pentadbir, pendidik dan sebagainya, pelajar itu sendiri mempunyai trugas dan tanggungjawab yang berat dan tidak harus dipandang remeh. Sebagaimana menurut Al-Ghazali dalam *Ihya' Ulumuddin* (Jil 3), para pelajar perlu memainkan peranan mereka dalam memastikan falsafah dan matlamat pendidikan itu tercapai di antara tanggungjawab pelajar yang perlu mereka laksanakan ialah;

i) **Menjaga maruah dirinya.**

Pelajar merupakan golongan yang sedang melalui proses menimba ilmu dan merealisasikannya. Oleh itu mereka hendaklah memastikan maruah diri mereka dipelihara dari sebarang unsur negatif. Ini bagi menjamin kesesuaian jiwa dan kemuliaan akhlak yang merupakan asas dalam mencapai kemahiran ilmu pengetahuan serta keberkatan daripada Allah. Ini juga bagi memastikan bahawa ilmu yang diterima boleh dimanfaatkan kepada diri dan akhlak orang lain.

ii) **Mengurangi hubungan dengan perkara-perkara dunia.**

Perkara utama yang perlu ditanam dalam diri setiap pelajar ialah keikhlasan hati sewaktu mereka menuntut ilmu. Allah berfirman dalam surah al-Ahzab : 4;

، مَا يَعْلَمُ اللَّهُ لِرَجُلٍ إِنْ فَلَيْتَنِي فِي حَوْفَهُ

"Allah tidak menjadikan bagi seseorang manusia dua hati dalam rongga hatinya".

Mereka seharusnya juga menjauhi daripada masalah-masalah remeh dunia seperti keadaan yang berjauhan dari keluarga, tanah air dan sebagainya.

iii) Merendah diri kepada guru.

Para pelajar yang sedang menuntut ilmu haruslah mempunyai sifat sentiasa merendah diri dalam apa jua situasi dan tempat. Sewaktu melalui proses pembelajaran, tidak sepatutnya pelajar menunjukkan sikap suka memberontak, apatah lagi terhadap gurunya. Menurut Ahmad Shalaby, sewajarnya guru merupakan golongan yang perlu dihormati dan dipatuhi terhadap segala bentuk nasihatnya.

Dalam konteks pendidikan dewasa ini guru juga dianggap sebagai kaunselor kepada murid dalam usahanya menjelaskan masalah yang timbul dalam diri setiap pelajarnya.

4.5 Metode Pendidikan.

4.5.1 Metodologi Pendidikan Al-Ghazali.

Metode bermaksud jalan dalam mencapai satu-satu tujuan. Terdapat pelbagai jalan dalam kaedah pengajaran, tetapi tidak ada satu jalan yang boleh dianggap terbaik satu-satu mata pelajaran. Walaubagaimanapun tidak mustahil wujud satu-satu metode yang baik bagi mata pelajaran tertentu dan oleh guru-guru tertentu.

Kaedah pengajaran seorang guru adalah berbeza dengan yang lain iaitu seharusnya berdasarkan keperluan pelajar itu sendiri. Sesetengah memerlukan penerangan yang jelas, manakala sebahagiannya lebih kepada tunjuk cara. Kadangkala pelajar juga dipengaruhi oleh persekitaran bilik darjah. Dalam kepelbagaiannya peringkat dan keperluan, apa yang lebih penting ialah pencapaian pelajar yang guru jangkakan atau harapkan. Walaubagaimanapun guru tidak perlu merujuk kepada sesuatu kaedah tertentu, kerana dalam proses penyampaian pelajaran, kesesuaian kaedah bergantung kepada keadaan seseorang pelajar, jenis pelajaran, waktu mengajar dan sebagainya.

Menurut Hasan Langgulung (1991), metodologi pengajaran pada asasnya melibatkan 3 perkara pokok, iaitu subjek yang dipelajari (kurikulum), sesiapa saja yang mempelajarinya (pelajar), dan siapa yang mengajar (guru). Penglibatan dan interaksi diantara ketiga-tiga komponen ini dikenali sebagai “proses belajar” (*learning proses*).

Metodologi pengajaran yang dikemukakan oleh Al-Ghazali disebut juga dalam istilah lain sebagai “*teaching style*”. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Al-Ghazali memperkenalkan beberapa prinsip moral, metodologi, disiplin dan beberapa perkataan penting, iaitu;

- Kebersihan jiwa dan hati pelajar. Kebersihan dan hati seorang pelajar penting dalam mendidik rohani mereka ke arah pengabdian diri kepada Allah.

Khususnya melalui ilmu pengetahuan yang diajar oleh para guru. Hassan Langgulung (1991).

- Penumpuan kepada ilmu pengetahuan. Digalakkan kepada para pelajar memusatkan segala. Pancaindera memusatkan segala pancaindera iaitu dengan menggunakan penglihatannya, pendengaran, ketika menghadapi proses pengajaran dan pembelajaran. Ini dapat membantu menguatkan penumpuan kepada seluruh pelajaran yang disampaikan oleh guru.
- Budipekerti pelajar terhadap guru. Sebagaimana Rasullullah bersabda bahawa;

وَاعْلَمُ عِرَبَهُ لَنْبَيٌّ .

"sesungguhnya para ulama itu adalah pewaris para nabi".

Sehubungan dengan itu tingkahlaku pelajar terhadap guru amat dititikberatkan. Ini bagi menjamin keberkatan ilmu yang disampaikan oleh guru tersebut. Pelajarnya seharusnya menghormati dan memuliakan guru mereka di samping menjauhi perkara-perkara yang boleh. Menyinggung perasaan guru. Hamid Fahmy (1990).

- Mempelajari ilmu pengetahuan dari sederhana kepada kompleks. Proses pengajaran dan pembelajaran haruslah dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut tahap kemampuan pelajar tersebut. Kaedah bagi mengelak dari berlaku sebarang kekeliruan kepada pelajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.
- Kekesuaian ilmu dengan keupayaan pelajar. Guru seharusnya mengetahui dan mamahami daya atau tahap pemikiran pelajar. Ini dapat membantu guru dalam menyelesaikan ilmu pengetahuan yang perlu disampaikan kepada pelajar.

Kemampuan daya pemikiran pelajar yang sesuai dengan jenis ilmu yang disampaikan akan menjadikan pengajaran lebih berkesan. Zainuddin (1991) . Peranan guru dalam proses sebegini adalah penting supaya objektif yang dirancang akan tercapai walau mengambil masa yang lama.

- Memberikan pandangan dan cadangan. Diantara tugas guru adalah memberi cadangan dan pendapat yang dapat membimbing pelajar-pelajar mereka. Pandangan-pandangan tersebut seharusnya dapat meningkatkan minda dan pengalaman pelajar. Dari sudut lain guru dapat berkongsi pengalaman dan maklumat dengan pelajar mereka, di samping dapat bertukar-tukar pandangan.
- Memberi latihan diperingkat minda. Latihan-latihan yang dijalankan meliputi pembiasaan, disiplin, contoh dan disertai dengan alat bantuan mengajar. Metode latihan seperti eksperimen, cara belajar yang bersistematik dapat menemukan dan meyakinkan pelajar terdapat satu-satu kebenaran melalui proses tersebut. Di samping itu kaedah sebegini dapat meningkatkan daya pemahaman pelajar dengan lebih berkesan lagi.
- Wujudkan sifat bertolak-ansur. Perlu wujud sifat tolak-ansur diantara guru dan pelajar sewaktu proses pembelajaran dan pengajaran berjalan. Guru harus sedar bahawa pelajar merupakan golongan remaja yang sedang mengalami proses perkembangan fizikal dan minda. Proses pengajaran perlulah dimulakan dengan pemahaman, penghayatan seterusnya yakin terhadap maklumat yang diterima. Kaedah seperti ini dapat menjamin keberkesan pengajaran guru untuk mencapai matlamat yang dirancang.

4.6. Metode Pendidikan Akhlak.

Menurut Al-Ghazali dalam *Ihya' Ulumuddin* (Jil 3), pendidikan akhlak merupakan aspek pendidikan yang amat luas. Walaubagaimanapun ia perlu diteliti dengan mendalam supaya dapat difahami. Kandungan dantujuannya. Imam a-ghazali yakin bahawa pendidikan akhlak akan dapat memperbaiki setiap tingkahlaku dan peribadi setiap insan.

Pernyataan akhlak ialah sifat atau keadaan tingkahlaku yang konsisten (tetap), yang meresap dalam jiwa yang mampu digambarkan dengan perbuatan zahir. Kadangkala sebahagian tingkahlaku ini terbit tanpa memerlukan fikiran dan pertimbangan. Zainuddin(1991).

Ahli falsafah barat juga berpendapat bahawa pendidikan akhlak adalah penting untuk melahirkan masyarakat yang adil, aman dan makmur. Sehubungan dengan itu ilmu pengetahuan sahaja tidak mencukupi tanpa akhlak yang baik.. Ilmu pengetahuan tanpa disertai nilai moral yang tinggi mampu membahayakan masyarakat dan menggoncang negara.

Menurut Hamid Fahmy(1990), beberapa pandangan tentang pembentukan sahsiah manusia perlu difikirkan;

1. Kejahanatan sesuatu yang semulajadi, tetapi melalui pendidikan ia dapat diubah.
2. Manusia tidak semuanya baik mahupun sebaliknya. Secara fitrah mereka bebas memiliki kedua-dua situasi ini. Pengaruh daripada kedua-dua situasi ini juga bergantung kepada pelbagai aspek, termasuklah aspek pendidikan, persekitaran dan sebagainya.
3. Kedua-dua sifat baik dan jahat ini bercampur-aduk dalam diri manusia. Perkembangan keduanya bergantung pengaruh iman dan sekeling.

Menurut Al-Ghazali akhlak yang utama terbahagi kepada empat, iaitu;

1.Hikmah iaitu bijaksana atau serasinya tindakan seseorang antara ilmu dan amal. Melalui ilmu manusia akan dapat membezakan seterusnya memilih perkara baik ataupun sebaliknya. Kekuatan ilmu dalam diri manusia itu akan menghasilkan nikmat dalam diri manusia tersebut. Sebagaimana Allah berfirman dalam surah Al-Baqarah :

269,

وَمَنْ يُوتَ الْحِكْمَةً فَقَدْ أُوتَ
حَيَا كَثِيرٌ

"Barangsiapa yang memperoleh hikmah maka ini bererti, mereka telah mendapat kebaikan yang berlipat ganda"

2.Keadilan iaitu jiwa yang dapat mencegah kemarahan dan hawa nafsu untuk mencapai atau mendapat hikmah tersebut. Ini kerana aspek keadilan itu dapat membimbing manusia ke arah keselamatan, ketenteraman, perdamaian dan kebahagiaan.

3.Keberanian iaitu keteguhan hati dalam membela dan mempertahankan yang benar. Mereka tidak sekali-kali undur apabila dicela di samping tidak mudah lupa diri apabila mendapat sebarang pujian. Firman Allah dalam surah al-Fath : 29;

"Muhammad itu Rasul atau utusan Allah. Orang-orang yang bersama dengannya. Semangat keras terhadap orang kafir, walaubagaimanapun sentiasa berkasih-kasihan sesama mereka"

4. Mencegah diri dari perbuatan maksiat atau menjauhkan diri perbuatan yang tidak baik. Keempat-empat sifat ini merupakan pokok keluhuran akhlak yang mampu membangkitkan sifat-sifat terpuji lain.

Kaedah pendidikan Al-Ghazali berbentuk teori dan praktikal. Pendidikan anak-anak sejak lahir lagi hendaklah diajar dan dibiasakan dengan perkara-perkara yang baik dan sikap yang positif oleh ibu bapanya. Ini kerana anak-anak mudah dipengaruhi oleh ibubapa, guru-guru dan persekitaran. Zainuddin(1991).

Sehubungan dengan itu perlu ada metode atau kaedah tertentu dalam pendidikan seperti berbentuk nasihat, latihan, kajian dan kebiasaan. Menurut Al-Ghazali kaedah contoh atau teladan, mempunyai pengaruh yang kuat terhadap anak-anak mereka. Oleh itu Allah s.w.t telah mengutuskan nabi Muhammad s.a.w sebagai pembawa wahyu Allah dan contoh teladan kepada umatnya. Di mana terkandung dalam diri Rasullullah nilai pengajaran yang perlu diteladani oleh manusia sejagat. Sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Ahzab: 2;

وَاتْحِدْ مَارِيَحَى إِلَيْكَ مِنْ بَلْ
أَنَّ اللَّهَ كَانَ أَمَّا تَعْمَلُونَ حَبِيلٌ

"Sesungguhnya telah ada pada diri Rasullullah contoh teladan yang baik kepada orang yang mengharapkan rahmat Allah dan hari akhirat dan dia banyak mengingat Allah"

Kaedah nasihat juga penting dalam pendidikan. Al-Quran sebagai rujukan umat Islam, diturunkan untuk menasihati dan membimbing manusia bagi mencapai ketenangan dalam kehidupan, terutama ketenangan jiwa. Allah menjelaskan perkara melalui firmannya dalam surah al-Baqarah : 44;

*اتَّاصُونَ النَّاسَ بِالرِّسُولِ وَتَنْسُونَ أَنفُسَكُمْ
وَانْتُرْ تَسْلُونَ أَكْثَرَ أَفْلَامَ تَحْقِلُونَ*

"Adakah kamu patut menyuruh manusia membuat kebaikan, dan kamu lupakan dirimu sendiri. Sedangkan kamu membaca kitab. Tidakkah kamu mengetahui".

Dalam surah Luqman : 14;

*وَوَصَّيْنَا الِّإِنْسَانَ بِوَالِدِيهِ
“Dan kami nasihatkan kepada manusia supaya untuk membuat kebaikan kepada ibubapanya”.*

Pendidikan dalam Islam bukan sekadar berupa nasihat, tetapi juga merangkumi teladan dan perantaraan yang membolehkan contoh teladan tersebut diikuti. Sesungguhnya nasihat yang jelas dan dapat dirteladani adalah nasihat yang dapat

memantapkan perasaan dan tidak membiarkan perasaan goyah itu luntur. Mohd Qutb (1984).

Bagi metode latihan dan kebiasaan, Al-Ghazali menganjurkan dalam mendidik anak-anak, kerana kaedah ini sesuai dengan perkembangan jiwanya. Agar mereka dapat menghindarkan diri dari keterlanjuran diri yang menyesatkan. Kaedah ini juga dapat membentuk sikap atau tingkahlaku mereka ke arah yang lebih baik.

4.7.HUKUMAN

Konsep hukuman (*punishment*) merupakan sebahagian daripada alat dalam pendidikan. Dalam erti kata lain, ia mempunyai pertalian erat dalam bidang pendidikan. Hukuman merangkumi tiga kriteria utama. Peters (1966) iaitu,

1. Kesakitan dengan sengaja, iaitu hasil sesuatu tindakan yang menyakitkan. Dalam pendidikan, jika seseorang guru tidak menjalankan hukuman ke atas murid yang melakaukan kesalahan, maka tidak akan wujud disiplin dalam diri pelajar tersebut.
2. Seseorang yang diberi kuasa untuk mengambil tindakan.
3. Tindakan tersebut diambil ke atas seseorang (pelajar) yang telah melanggar peraturan.

Menurut Peters (1966) lagi konsep hukuman dalam pendidikan melalui 3 tahap atau teori;

- Teori pembalasan.
- Teori pencegahan.
- Teori pemulihan.

Pandangan Peters mengenai hukuman atau dendaan menyamai pandangan ahli pendidik Islam yang mengharuskan hukuman dijalankan dalam satu-satu keadaan.

Walaubagaimanapun hukuman yang dikenakan haruslah bersesuaian dan dijalankan dengan penuh hikmah. Biasanya hukuman yang dikenakan ke atas pelajar akan merenggangkan hubungan pelajar dan guru tersebut. Peters (1966). Tetapi ia masih harus dijalankan bagi mencegah perkara tersebut berulang lagi.

Oleh itu menurut Al-Ghazali pendidik perlu mengetahui segala situasi dan masalah yang dihadapi oleh setiap pelajarnya. Ini kerana guru dianggap sebagai orang yang boleh mengubati pesakit pelajarnya. Oleh yang demikian pendidik haruslah seorang yang mahir dalam menangani masalah yang dihadapi oleh mereka (pelajar). Ini termasuklah pengetahuan dalam mengetahui, menyelidik dan membantu pelajarnya yang bermasalah. Ihya' Ulumuddin (Jil 3).

Ibbupa dan guru perlu memberi teguran dan nasihat, serta peringatan terlebih dahulu jika pelajar-pelajarnya melakukan kesalahan buat kali pertama. Di samping itu mereka haruslah menjelaskan mengapa perkara tersebut tidak sepatutnya dilakukan. Kaedah ini akan menyedarkan mereka tanpa timbul rasa sakit hati atau tersinggung di atas teguran tadi.

4.8 GANJARAN

Selain daripada hukuman, ganjaran juga mempunyai pertalian dengan proses pendidikan. Ganjaran diberikan kepada pelajar hasil daripada kejayaan dan usaha-usaha yang telah mereka lakukan.

Konsep ganjaran harus timbul sebagai salah satu usaha pendidik untuk memantapkan dan memperbaiki tingkahlaku atau amalan baik yang dilakukan oleh pelajar-pelajar mereka. Di samping itu juga ganjaran sebagai ransangan kepada pelajar untuk terus berjaya ke tahap yang lebih baik lagi.

Dalam bidang pendidikan, terdapat pelbagai bentuk ganjaran iaitu; Zainuddin (1991);

- Penghormatan (penghargaan), baik berupa kata-kata atau isyarat.
- Hadiah iaitu ganjaran yang berbentuk material, yang bertujuan untuk mengembirakan pelajar yang telah berjaya.
- Pujian yang dilakukan di hadapan orang ramai atau individu lain seperti rakan-rakan seperjuangan, saudara-mara dan sebagainya.